

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Institute of Excellence for IslamicJerusalem Studies (IEIJS)
Sent: Thursday, August 2, 2018 9:18 AM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup; 'student@gsgsg.uum.edu.my' (student@gsgsg.uum.edu.my)
Cc: Prof. Dr. Mohd Kamarulnizam Bin Abdullah; Dr. Aminurraasyid Bin Yatiban
Subject: Konflik Baitulmaqdis



INSTITUTE OF EXCELLENCE FOR
ISLAMICJERUSALEM STUDIES
Universiti Utara Malaysia



2 OGOS 2018 / 20 ZULKAEDAH 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



KUALA LUMPUR 30 Julai – Sebuah undang-undang “*Aparthied*” yang bersifat kejam dan diskriminasi telah diluluskan oleh Knesset (Parlimen Israel) pada 19 Julai yang lalu serta mengundang reaksi protes di seluruh dunia. Ia mengeruhkan lagi kemelut berpanjangan di Timur Tengah yang menjurus kepada keadaan dan nasib orang Islam Palestin di Baitulmuqqadis.

Bagi memberikan respon Malaysia terhadap isu ini, bertempat di EDC Hotel UUM KL, sebuah stesen televisyen utama iaitu RTM 1 telah mewawancara Dr. Aminurraasyid Yatiban, Pengarah Institute of Excellence for Islamic Jerusalem Studies (IEIJS) Universiti Utara Malaysia dan Prof. Abd Al-Fattah El-Awaisi, Professor Pelawat IEIJS UUM.

Prof. Abd Al-Fattah El-Awaisi berkata, “Undang-undang baru yang diluluskan oleh Knesset ini adalah bertujuan untuk menghancurkan Baitulmaqdis dan menubuhkan tempat ibadat Yahudi”

“Hal ini kerana, orang Yahudi Israel sudah bersedia sekian lama untuk undang-undang yang sebegini kerana bagi mereka tanah Palestin yang dijajah itu adalah tanah yang dijanjikan ataupun *the promised land* khas untuk kaum Yahudi”.

Menurut beliau lagi, “tiada sempadan negara bagi Israel disebutkan didalam undang-undang tersebut”. Hal ini akan membawa kepada kesan negatif yang lebih besar keatas negara-negara islam yang berdekatan.

“Tambahan pula, penjajahan dan perjuangan Israel dilihat dan diterima oleh dunia sehingga Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump mengisytiharkan Baitulmaqdis adalah milik Yahudi”.

Dr. Aminurraasyid juga memberikan respon kepada RTM bahawa ini adalah suatu bentuk kekejaman yg sangat diimpikan oleh yahudi. Beliau menggesa suatu tindak balas yang menyeluruh dan lebih tegas harus diambil oleh masyarakat antarabangsa dalam hal ini.

Menurutnya, “Klausa *the unified Jerusalem* ini mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai Ibu Kota mereka. Lalu, usaha *two state solution* terus musnah”.

“Tun Mahathir, sebagai Perdana Menteri Malaysia yang baru, bersama kerajaan baru ini harus mewujudkan suatu polisi luar yang baru dalam berhadapan dengan konflik Palestin-Israel ini”, kata Prof. Abd Fattah menjawab persoalan oleh RTM tentang inisietif yang harus diambil oleh Malaysia dalam menangani situasi ini - **IEIJS ONLINE**

=====
=====

Institute of Excellence for IslamicJerusalem Studies (IEIJS)
Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG), UUM
COLGIS
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah
Tel: (604) 928 7770/7769/7766

Fax: (604) 928 7799
ieijs@uum.edu.my



Save a tree.

Please don't print this e-mail unless it's necessary.



AACSB
ACCREDITED



ASSOCIATION
OF AMBAs
ACCREDITED



IQA
International
Quality
Accreditation



AUN-QA
A Touch of Quality

Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.